

07 SEP 2000

PERDANA MENTERI DIJANGKA RASMIKAN E-VILLAGE ESOK

Kuala Lumpur, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan perkampungan seni Malaysia E-Village esok dalam majlis gilang gemilang bertaraf antarabangsa.

Beliau dijangka tiba di perkampungan itu di Dengkil, berdekatan Putrajaya pusat pentadbiran baru kerajaan pusat, kira-kira pada pukul 8 malam.

Di antara kemudahan yang terdapat di perkampungan itu ialah sebuah studio filem yang bertaraf antarabangsa, Studio Precint.

Dr Mahathir juga dijangka akan menyaksikan sebuah persembahan selama setengah jam dikeluarkan oleh Barry Newman, pengeluar eksekutif bersama Pollard Productions yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

"Persembahan itu yang bertaraf antarabangsa dibintangi oleh bintang-bintang tempatan, yang mempunyai bakat luar biasa," kata Newman kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata selain persembahan itu satu segmen memperingati bintang lagenda negara Tan Sri P. Ramlee juga akan diadakan.

-- BERNAMA

SR AHH RI